Budiman Writers Association of Malaysia (BUDIMAN)
ISBN:2637-126X

Analisis Penggunaan Bahasa Rojak dalam Penulisan Mesej Bahasa Iban Menerusi Aplikasi *WhatsApp*

An Analysis of Mixed-Language Use in Iban Messages Written Through WhatsApp

Amylia Anna Bakar
amyliaanna@gmail.com
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

*Sabariah Sulaiman**
sabariah.sulaiman@fbk.upsi.edu.my
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Saripah Banseng
bsaripah@fbk.upsi.edu.my
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

**Corresponding author*

Received: 10 September 2026; Published: 23 November 2026

Cite this article (APA) as:

Bakar, A. A., Sulaiman, S., & Banseng, S. (2026). Analisis Penggunaan Bahasa Rojak dalam Penulisan Mesej Bahasa Iban Menerusi Aplikasi WhatsApp. Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, 14(2), 36 - 50. Retrieved from https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/223

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis unsur bahasa rojak yang digunakan oleh murid dalam penulisan mesej bahasa Iban menerusi media sosial di sebuah sekolah yang terpilih. Kajian dilakukan terhadap lima orang murid Tahap Dua yang merupakan penutur asli bahasa Iban. Analisis telah dilakukan terhadap kandungan mesej dalam aplikasi *WhatsApp* yang dihantar oleh murid kepada guru bahasa Iban. Reka bentuk kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kes. Instrumen yang digunakan adalah borang analisis kandungan mesej yang meliputi aspek morfologi, sintaksis, semantik dan mekanis disediakan sebagai instrumen untuk mengenal pasti unsur bahasa rojak yang terdapat dalam kandungan mesej murid melalui aplikasi *WhatsApp.* Dapatan menunjukkan bahawa terdapat banyak unsur bahasa rojak terutama dalam aspek mekanis (sebanyak 40 kekerapan) yang meliputi kesalahan ejaan dan kesalahan perkataan. Seterusnya diikuti oleh aspek sintaksis (lima kekerapan) yang meliputi ayat pasif dan ayat keterangan. Dapatan kajian turut menunjukkan bahasa rojak dalam aspek morfologi (dua kekerapan) iaitu kesalahan penggunaan kata ganti nama dan kata hubung serta dalam aspek semantik (satu kesalahan) iaitu kesalahan pemilihan kata dalam ayat. Implikasi daripada kajian ini adalah penggunaan bahasa rojak dalam penulisan bahasa Iban menerusi media sosial boleh mempengaruhi penulisan murid di sekolah.
Kata kunci: Bahasa rojak, bahasa Iban, penulisan mesej, *WhatsApp,* analisis linguistik

ABSTRACT

This article examines mixed-language features in Iban-language messages written by pupils through social media at a selected school. The participants were five upper-primary pupils who were native speakers of Iban. The data comprised WhatsApp messages sent by the pupils to their Iban-language teacher. Adopting a qualitative case-study design, the study employed a message content-analysis form to identify mixed-language features across four domains: morphology, syntax, semantics and

ISBN:2637-126X

mechanics. The findings revealed that mixed-language use was most frequent in mechanics (40 occurrences), particularly spelling and word-choice errors. This was followed by syntax (five occurrences), involving passive constructions and qualifying clauses; morphology (five occurrences), involving personal pronouns and conjunctions; and semantics (one occurrence), involving inappropriate lexical choice. The findings suggest that mixed-language practices in pupils' social-media writing may influence their written use of Iban at school.
Keywords: mixed-language use, Iban language, message writing, WhatsApp, linguistic analysis

PENGENALAN

Penggunaan bahasa rojak merupakan sebahagian daripada ciri multilingual yang wujud dalam kalangan rakyat Malaysia. Malah, semua negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum seperti Singapura, Sri Lanka, India turut mengalami fenomena seperti ini baik dalam situasi formal mahupun tidak formal. Fenomena tersebut terjadi dalam kalangan masyarakat yang penuturnya mempunyai lebih dari satu bahasa (Paramasivam Muthusamy, 2017). Oleh hal yang demikian, penggunaan bahasa rojak bukan fenomena asing dalam negara yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Bahasa merupakan sarana yang dapat menceritakan kejadian masa lalu, masa sekarang, dan masa yang akan datang (Zamri Mahamod et al., 2016) serta sistem lambang bunyi suara yang digunakan sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia antara seorang individu dengan individu yang lain. Dalam konteks persekolahan, Bahasa Iban merupakan mata pelajaran elektif yang ditawarkan dan diwujudkan dalam sistem pendidikan khususnya di Sarawak kepada murid kaum Iban. Meskipun mata pelajaran ini sekadar subjek elektifda n ditawarkan kepada murid-murid penutur asli kaum Iban, tetapi pembelajaran bahasa Iban penting bagi mengekalkan identiti kaum Iban.

> "Sukatan mata pelajaran Bahasa Iban Sekolah merupakan salah satu mata pelajaran bahasa kaum Malaysia seperti yang diperuntukkan dalam tafsiran Akta Pendidikan Negara. Mata pelajaran ini bertujuan melahirkan murid yang dapat berkomunikasi dengan berkesan untuk menghasilkan budaya dan warisan Iban di Sarawak".
>
> (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013)

Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa buah buku yang menjadi panduan atau rujukan bagi memberi keseragaman, membakukan atau lebih jelas lagi memberi panduan standard kepada perkataan yang digunakan dalam bahasa Iban seperti buku *Lumpar Sistem Sepil Jaku Iban* (2007), *Dictionary of Iban and English* (1994) dan *Bup Sereba Reti Jaku Iban* (2011). Kewujudan buku tersebut dapat mengambarkan bahawa terdapat perbezaan bahasa Iban standard dan bahasa Iban pasar yang digunakan dalam peruturan dan juga penulisan (Dayang Sufilkawany Ujai & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2017).

Dalam konteks kajian ini, penggunaan bahasa rojak merujuk kepada percampuran unsur bahasa Melayu dan bahasa Iban dalam penulisan mesej melalui aplikasi *WhatsApp*. Fenomena ini berkait rapat dengan konsep percampuran kod, iaitu penggunaan unsur daripada dua bahasa atau lebih dalam sesuatu komunikasi. Kajian Menggo et al. (2023) menunjukkan bahawa percampuran kod dalam komunikasi melalui *WhatsApp* berfungsi sebagai strategi komunikasi untuk mewujudkan kemesraan, memperjelas maklumat dan memperlihatkan identiti kumpulan. Selain itu, kajian Ramio et al. (2024) mendapati bahawa penggunaan unsur bahasa Melayu dalam penulisan di media sosial oleh pengguna bahasa Iban memperlihatkan berlakunya percampuran kod antara kedua-dua bahasa tersebut. Dalam konteks komunikasi digital pula, Ritan dan Windy (2025) menjelaskan bahawa percampuran kod dalam aplikasi *WhatsApp* berkait dengan hubungan antara pengguna, faktor situasi dan latar belakang kedwibahasaan. Sehubungan dengan itu, penggunaan bahasa rojak dalam kajian ini merujuk kepada percampuran unsur bahasa Melayu dan bahasa Iban, sama ada dalam bentuk

ISBN:2637-126X

perkataan, frasa atau struktur bahasa, ketika pengguna berkomunikasi melalui aplikasi *WhatsApp.*

OBJEKTIF

Penulisan ini berlandaskan objektif untuk mengenal pasti unsur bahasa rojak dalam aspek morfologi, sintaksis, semantik dan mekanis yang digunakan oleh murid dalam penulisan mesej bahasa Iban menerusi media sosial iaitu aplikasi *WhatsApp*.

METODOLOGI

Artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi menganalisis unsur bahasa rojak dalam penulisan mesej bahasa Iban melalui aplikasi *WhatsApp*. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti dan mengkategorikan unsur bahasa rojak berdasarkan empat aspek linguistik, iaitu morfologi, sintaksis, semantik dan mekanis. Penggunaan borang analisis kandungan sebagai instrumen pengumpulan dan perekodan data adalah selaras dengan pendekatan yang digunakan oleh Fauziah Ibrahim et al. (2021). Pemilihan peserta dilakukan secara persampelan bertujuan berdasarkan ciri-ciri yang bersesuaian dengan objektif penyelidikan (Ramlee Ismail et al., 2021). Seramai lima orang murid Tahap Dua dari sebuah sekolah rendah dipilih berdasarkan tiga ciri utama, iaitu penutur asli bahasa Iban, mengikuti mata pelajaran Bahasa Iban di sekolah dan berada pada Tahap Dua persekolahan. Pemilihan ini membolehkan penelitian dilakukan terhadap penggunaan bahasa dalam komunikasi bertulis murid yang memenuhi ciri-ciri yang ditetapkan.

Instrumen yang digunakan ialah borang analisis kandungan yang diadaptasi dan diubah suai daripada Nor Asree Noh dan Halim Mohamad (2017) serta Nurul Ain Alizuddin dan Nik Athirah Arif (2021). Borang ini merangkumi empat kategori analisis, iaitu morfologi yang mengandungi enam aspek, sintaksis (empat aspek), semantik (satu aspek) dan mekanis (dua aspek), seperti yang diperincikan dalam Jadual 1 dan Jadual 2. Pembentukan kategori analisis mengambil kira konsep morfologi yang berkaitan dengan struktur dan bentuk kata (Nik Safiah Karim et al., 2004), sintaksis yang meneliti pembinaan dan struktur ayat (Abdul Rashid Melebek & Amat Moain, 2010), serta semantik yang berkaitan dengan makna dan kesesuaian pemilihan kata (Abdullah Hassan, 2007). Aspek mekanis pula merangkumi ejaan dan penggunaan perkataan dalam penulisan. Bagi memastikan ketepatan rujukan bahasa Iban, semakan dibuat berdasarkan Lumpar Sistem Sepil Jaku Iban (2007), *Dictionary of English and Iban* (1994) dan *Bup Sereba Reti Jaku Iban* (2011). Borang analisis kandungan turut digunakan untuk merekodkan kekerapan unsur bahasa rojak mengikut kategori yang ditetapkan, selaras dengan penggunaan instrumen analisis kandungan oleh Fuzirah et al. (2017).

Data diperoleh daripada teks mesej *WhatsApp* yang dihantar oleh lima orang murid terpilih kepada guru mata pelajaran Bahasa Iban. Mesej tersebut diperoleh melalui guru berkenaan dan dianalisis menggunakan borang analisis kandungan yang telah disediakan. Bagi tujuan pengekodan, setiap peserta diberikan kod IN1 hingga IN5 bagi membezakan sumber data. Analisis dijalankan dengan meneliti kandungan mesej, mengenal pasti unsur bahasa rojak dan mengelaskan unsur yang ditemukan mengikut kategori morfologi, sintaksis, semantik dan mekanis. Seterusnya, kekerapan bagi setiap kategori direkodkan dan dihuraikan berdasarkan pola penggunaan bahasa yang dikenal pasti. Analisis kandungan ini membolehkan pengenalpastian dan penghuraian pola penggunaan bahasa rojak, manakala pengiraan kekerapan memberikan gambaran tentang taburan unsur tersebut dalam penulisan mesej murid.

PERNYATAAN MASALAH

Penggunaan bahasa Iban standard dalam kalangan murid berketurunan Iban merupakan aspek

ISBN:2637-126X

penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa tersebut di sekolah. Walaupun bahasa Iban digunakan dalam komunikasi seharian, penggunaannya dalam situasi tidak formal mempunyai ciri yang berbeza daripada bahasa Iban standard yang menekankan ketepatan ejaan, pemilihan kosa kata dan struktur tatabahasa. Nozina Yahaya (2019) membincangkan penggunaan bahasa Iban tidak formal dalam kalangan murid serta hubungannya dengan penguasaan bahasa Iban standard. Dalam konteks yang lebih luas, Lilly Metom dan Su-Hie Ting (2024) mendapati bahawa penggunaan bahasa Iban dalam domain formal masih terbatas berbanding dengan komunikasi harian. Perbezaan konteks penggunaan bahasa ini menimbulkan keperluan untuk meneliti bentuk bahasa yang digunakan oleh murid, khususnya dalam komunikasi bertulis yang bersifat tidak formal.

Percampuran kod merupakan salah satu fenomena bahasa yang lazim berlaku dalam masyarakat yang menguasai lebih daripada satu bahasa. Abdullah Hassan (2007) menjelaskan bahawa percampuran kod melibatkan penggunaan unsur linguistik daripada bahasa yang berbeza dalam sesuatu komunikasi. Dalam konteks masyarakat Iban, hubungan antara bahasa Iban dengan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris menyediakan ruang kepada penggunaan unsur pelbagai bahasa dalam interaksi seharian. Kajian Norazuna Norahim dan Claudia Vica (2025) turut memperlihatkan hubungan antara bahasa Iban dengan bahasa Melayu melalui penelitian terhadap sistem pengimbuhan kata kerja dalam laras formal. Walau bagaimanapun, fenomena percampuran kod perlu dibezakan daripada kesalahan bahasa kerana penggunaan unsur bahasa lain tidak semestinya menunjukkan ketidakpatuhan terhadap sistem tatabahasa sesuatu bahasa. Oleh itu, penelitian terhadap penggunaan bahasa rojak dalam penulisan mesej bahasa Iban perlu memberikan tumpuan kepada bentuk dan ciri linguistik yang dapat dikenal pasti berdasarkan data komunikasi bertulis.

Penggunaan aplikasi *WhatsApp* sebagai medium komunikasi membolehkan murid menghasilkan mesej secara ringkas, spontan dan bersesuaian dengan konteks interaksi. Dalam komunikasi sedemikian, penggunaan bahasa Iban boleh berlaku bersama-sama unsur bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Namun begitu, bentuk percampuran bahasa yang digunakan dalam penulisan mesej bahasa Iban, khususnya dari aspek mekanis, morfologi, sintaksis dan semantik, masih memerlukan penelitian yang lebih khusus. Penelitian ini penting bagi memberikan gambaran tentang ciri penggunaan bahasa dalam komunikasi digital tanpa mengandaikan bahawa percampuran kod merupakan petunjuk kelemahan penguasaan bahasa Iban standard. Pada masa yang sama, bahasa Iban mempunyai kedudukan penting sebagai lambang identiti masyarakatnya, sebagaimana yang terkandung dalam pepatah Iban, "*Dikelala buah ari langgu, dikelala bansa ari jaku*" (Chemaline Osup & Padang Luna, 2011). Sercombe (2023) turut membincangkan kelangsungan penggunaan bahasa Iban dalam konteks perubahan sosial masyarakat Iban di Sarawak.

Keperluan penelitian terhadap penggunaan bahasa Iban dalam kalangan generasi muda turut berkait dengan usaha pendokumentasian dan pemeliharaan bahasa tersebut. Nelson Tandang Anak Edwin Unting dan Ngalai Anak Belawing (2017) menekankan kepentingan kesedaran generasi muda terhadap bahasa ibunda sebagai identiti masyarakat. Magdeline Anak Nor et al. (2012) pula mengetengahkan keperluan penyelidikan berkaitan pengajaran dan pembelajaran bahasa Iban bagi memperluas pemahaman tentang penggunaan bahasa tersebut dalam konteks pendidikan. Selanjutnya, Doratya Gerry et al. (2024) menunjukkan bahawa penyelidikan bahasa Iban masih memerlukan perhatian dalam bidang pendidikan dan linguistik. Walaupun kajian terdahulu telah membincangkan pelbagai aspek penggunaan bahasa Iban, penelitian yang memfokuskan bentuk penggunaan bahasa rojak dalam penulisan mesej *WhatsApp* oleh murid masih perlu diperkukuh. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis bentuk penggunaan bahasa rojak dalam penulisan mesej bahasa Iban melalui aplikasi *WhatsApp* berdasarkan aspek mekanis, morfologi, sintaksis dan semantik.

Secara keseluruhannya, kajian ini penting dijalankan dalam usaha menangani masalah penggunaan bahasa rojak daripada terus berlaku dalam kalangan murid sekolah. Sekiranya generasi muda kaum Iban gagal didedahkan mengenai pentingnya sesebuah bahasa, gagal

ISBN:2637-126X

menyematkan perasaan bangga terhadap bahasa sendiri dalam diri, nescaya pada masa akan datang bahasa sesuatu kaum akan lenyap dan hilang begitu sahaja (Nelson Tandang Anak Edwin Unting & Ngalai Anak Belawing, 2017). Kekurangan kajian tentang mata pelajaran Bahasa Iban menyebabkan masalah-masalah yang timbul tidak diketahui oleh pihak-pihak yang berkepentingan seperti Pusat Perkembangan Kurikulum selaku perancang dan penggubal dasar pengajaran bahasa Iban (Magdeline Anak Nor et al., 2012). Oleh kerana itu, kajian berlandaskan objektif untuk mengenalpasti unsur bahasa rojak dalam aspek morfologi, sintaksis, semantik dan mekanis yang digunakan oleh murid dalam penulisan mesej bahasa Iban menerusi media sosialmsangat berguna untuk bidang Bahasa Iban yang merupakan identiti penting bagi kaum Iban di Sarawak.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan mengenai bahasa rojak dalam pertuturan dan penulisan, faktor penggunaan bahasa rojak serta pengaruh bahasa rojak terhadap Bahasa Iban standard.

Penggunaan bahasa rojak dalam pertuturan

Paramasivam Muthusamy (2017) meneliti corak dan fungsi percampuran kod dalam perbualan masyarakat pelbagai bahasa di Malaysia berdasarkan perspektif pragmatik. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan rakaman perbualan murid sekolah menengah. Analisis kajian dibuat berpandukan Teori Relevans Sperber dan Wilson (1986) bagi menjelaskan penggunaan bahasa dalam konteks komunikasi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penguasaan dua atau lebih bahasa membolehkan murid melakukan percampuran dan peralihan kod dalam perbualan, sama ada sesama kaum mahupun antara kaum yang berbeza. Penggunaan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris dalam komunikasi turut berfungsi untuk memudahkan penyampaian maklumat dan meningkatkan kefahaman antara penutur dengan pendengar.

Sementara itu, Corella Anak Stephen et al. (2017) mengkaji faktor yang mendorong percampuran kod dalam komunikasi masyarakat Iban di Sarawak. Penyelidikan yang menggunakan rakaman spontan dan soal selidik ini mendapati bahawa percampuran kod dipengaruhi oleh beberapa faktor, antaranya kecekapan berbahasa, tujuan komunikasi, kefahaman mesej, situasi dan penggunaan istilah tertentu. Dapatan ini menunjukkan bahawa percampuran kod dalam pertuturan masyarakat Iban berkait dengan keperluan komunikasi dan latar penggunaan bahasa.

Kajian Carstens dan Ang (2019) pula meneliti percampuran dan peralihan kod dalam perbualan masyarakat Cina di Malaysia. Analisis terhadap perbualan yang dirakam dalam situasi semula jadi memperlihatkan bahawa penggunaan pelbagai bahasa bukan sahaja berfungsi untuk menyampaikan maklumat, malah turut mencerminkan identiti sosial dan budaya penutur. Secara keseluruhannya, penyelidikan terdahulu menunjukkan bahawa penggunaan bahasa rojak dalam pertuturan mempunyai fungsi komunikasi dan sosial yang dipengaruhi oleh konteks, tujuan serta latar belakang penutur.

Penggunaan bahasa rojak dalam penulisan

Penggunaan bahasa rojak bukan sahaja berlaku dalam pertuturan, malah turut ditemukan dalam penulisan, khususnya dalam kalangan pengguna yang menguasai lebih daripada satu bahasa. Kajian Muhammad Alee Song et al. (2023) terhadap penulisan karangan murid Cina mendapati bahawa percampuran kod melibatkan penggunaan unsur bahasa Inggeris dalam penulisan bahasa Melayu. Percampuran tersebut dikenal pasti dalam beberapa golongan kata, terutamanya kata nama, diikuti oleh kata adjektif, kata kerja dan kata tugas. Sementara itu, kajian Rollin Smith Ramio et al. (2024) terhadap penulisan status dalam laman Facebook

ISBN:2637-126X

"Aku Anak Iban" menunjukkan bahawa penggunaan perkataan bahasa Melayu dalam komunikasi bertulis oleh pengguna bahasa Iban telah mewujudkan percampuran kod antara kedua-dua bahasa. Kajian tersebut turut mendapati bahawa penggunaan bahasa Melayu dipengaruhi oleh keperluan komunikasi serta tahap penguasaan bahasa dalam kalangan pengguna.

Selain percampuran kod, kajian terdahulu turut mengenal pasti pelbagai kesalahan tatabahasa dalam penulisan murid. Kajian Chintela Tenggok dan Nor Azwahanum Nor Shaid (2023) terhadap karangan murid Iban mendapati bahawa kesalahan bahasa melibatkan penggunaan tanda baca dan imbuhan yang kurang tepat. Selanjutnya, Siti Nur Solehah Bahaudin (2023) mendapati bahawa pelajar Tingkatan Empat masih menghadapi kekeliruan dalam penggunaan kata sendi nama "di" dan "dalam" ketika menghasilkan karangan bahasa Melayu. Dapatan kajian tersebut memperlihatkan bahawa aspek morfologi dan mekanis perlu diberikan perhatian dalam analisis penulisan murid. Sehubungan dengan itu, penelitian terhadap percampuran kod dan kesalahan bahasa dalam penulisan mesej bahasa Iban melalui aplikasi WhatsApp adalah relevan bagi mengenal pasti bentuk penggunaan bahasa yang berlaku dalam komunikasi bertulis murid.

Kajian Andini Puji (2015) pula hampir sama dengan dua kajian yang dinyatakan seperti di atas iaitu terdapat penambahan aspek kesalahan tatabahasa yang yang lain seperti kandungan isi, format, struktur ayat, perbendaharaan kata, ejaan dan lain-lain dalam penulisan karangan murid. Dua kajian lain juga mempunyai dapatan kajian yang sama iaitu murid melakukan kesalahan dalam kata kerja, penggunaan ganti nama, frasa anaksi, frasa kolokasi, permilihan kata sendi (Nor Asree Noh & Halim Mohamad, 2017), morfologi, frasa dan sintaksis dalam penulisan karangan mereka (Nurul Ain Alizuddin & Nik Nur Athirah Nik Mohd Arif, 2021). Tidak ketiggalan kajian oleh Nor Hashimah dan Adriana Santa (2016) yang mendapati masalah percampuran kod ini berada di tahap membimbangkan apabila murid-murid Cina sering kali melakukan percampuran kod kata nama, kata kerja, penanda wacana, masa dan kata adjektif dalam aktiviti penulisan karangan bahasa Melayu.

Faktor penggunaan bahasa rojak

Terdapat banyak faktor yang membawa kepada penggunaan bahasa rojak. Antaranya adalah kerana bahasa Iban bukanlah mata pelajaran dalam peperiksaan utama (Noor Mohamad Shakil Hameed, 2021), ibu bapa dominan menggunakan bahasa Melayu Sarawak ketika bertutur dengan anak-anak dalam pertuturan seharian, taraf pendidikan ibu bapa yang rendah dan saluran penyebaran bahasa yang terhad kerana bahasa Iban hanya diajar dan digunakan semasa pembelajaran formal di sekolah serta kurang guru Bahasa Iban yang berpengalaman dan berkepakaran dalam mata pelajaran tersebut (Radna Wismawati Muhibah Yahya Sawek, 2015). Selain itu, penguasaan dua atau tiga bahasa dalam kalangan murid telah memberi ruang untuk bahasa campuran secara selesa dan bebas dalam perhubungan komunikasi sama ada antara kaum mahupun sesama kaum (Siti Rahimah Mustaffa et al., 2014). Semua faktor ini menyebabkan penggunaan bahasa slanga, bahasa rojak dan bahasa cacamarba semakin berleluasa.

Seterusnya ialah faktor sosial seperti motivasi, sikap dan persekitaran (Dayang Sufilkawany Ujai & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2016) serta faktor latar belakang iaitu pekerjaan ibu bapa, latar bahasa, tempat tinggal, rakan dan jiran **(**Noor Zila Md. Yusuf & Amir Juhari (2013). Sementara itu, Corella Anak Stephen et al., (2017) menyenaraikan sepuluh faktor yang diringkaskan dengan akronim "KOMUNIKASI" yang secara terperinci bermaksud; K (kecekapan berbahasa), O (orang atau penutur), M (minat seseorang terhadap bahasa), U (ungkapan yang panjang), N (niat penutur), I (implikasi pembelajaran seseorang penutur), K (kefahaman mesej), A (amalan atau keterbiasaan), S (Situasi yang mendorong kepada penggunaan bahasa rojak) dan 1(Istilah yang lebih difahami) telah mendorong kepada penggunaan bahasa rojak.

Kajian kualitatif oleh Mohd Syuhaidi Abu Bakar dan Aliffluqman Mohd Mazzalan (2018) yang menganalisis aliran pertuturan bahasa rojak dalam kalangan pengguna facebook

ISBN:2637-126X

di Malaysia mendapati bahawa, penggunaan bahasa rojak dalam laman sosial berpunca daripada sikap dan mentaliti sebahagian besar masyarakat yang beranggapan bahawa perkara tidak fasih bertutur dalam bahasa asing adalah sesuatu yang memalukan. Sebaliknya, bukan sesuatu yang memalukan jika kita tidak fasih bertutur dalam Bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana, ada yang beranggapan bahawa, seseorang individu perlu mempunyai dua atau lebih bahasa agar dipandang tinggi oleh masyarakat (Zulkifli Salleh, 2019).

Terdahulu, kajian Mohammed Azlan Mis (2010) mendapati dua pilihan bahasa yang utama di Sarawak, iaitu bahasa Iban dan juga dialek Melayu Sarawak. Bahasa Iban digunakan semasa situasi tidak formal sementara dialek Melayu Sarawak pula semasa situasi formal dan penggunaan bahasa rojak di negeri Sarawak sama pentingnya dengan bahasa tempatan, seperti bahasa Iban, Melanau, Cina dan dialek Melayu. Bahasa rojak di Sarawak bahasa yang biasa dipilih dalam hubungan antara suku kaum yang pelbagai.

Pengaruh Bahasa Rojak terhadap Bahasa Iban standard

Penggunaan bahasa rojak dalam kalangan masyarakat Iban berkait rapat dengan pertembungan bahasa yang berlaku dalam komunikasi seharian, khususnya antara bahasa Iban dengan bahasa Melayu. Kajian Norazuna Norahim dan Claudia Vica (2025) menunjukkan bahawa pengaruh bahasa Melayu turut dapat dikenal pasti dalam perkembangan laras formal bahasa Iban, khususnya melalui proses peminjaman dan pengimbuhan kata kerja. Sementara itu, kajian Lilly Metom dan Su-Hie Ting (2024) mendapati bahawa bahasa Iban masih digunakan secara meluas dalam komunikasi harian, namun penggunaannya dalam konteks formal adalah lebih terhad. Dapatan ini memperlihatkan bahawa penguasaan bahasa Iban tidak semestinya menjamin penggunaannya dalam semua domain komunikasi.

Selain itu, Doratya Gerry et al. (2024) mendapati bahawa penyelidikan bahasa Iban masih memerlukan perhatian yang lebih menyeluruh, khususnya dalam aspek pendidikan dan linguistik. Kajian Sercombe (2023) pula memperlihatkan bahawa penggunaan bahasa Iban terus mengalami perubahan seiring dengan perkembangan sosial dan ekonomi masyarakatnya. Secara keseluruhannya, kajian-kajian ini menunjukkan bahawa hubungan antara bahasa Iban dengan bahasa Melayu perlu diteliti dari sudut pengaruh bahasa, pemilihan kod dan penggunaan bahasa standard. Sehubungan dengan itu, penelitian terhadap penggunaan bahasa rojak dalam penulisan mesej melalui aplikasi *WhatsApp* penting untuk mengenal pasti unsur percampuran bahasa yang berlaku dalam komunikasi bertulis murid.

Perkara ini yang mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian kerana ia merupakan langkah pertama bagi mengekalkan identiti kaum Iban. Tambahan pula, bahasa penting dan perlu dipandang serius oleh masyarakat lain terutamanya dalam bentuk berkomunikasi. Hal ini demikian kerana, bahasa merupakan antara aspek yang paling banyak dan kerap digunakan dalam kehidupan seharian.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Paparan kandungan mesej yang dihantar oleh informan kepada guru bahasa Iban melalui aplikasi *WhatsApp* dipaparkan menerusi Jadual 1 berikut.

ISBN:2637-126X

Jadual 1: Paparan kandungan mesej dari informan melalui aplikasi *WhatsApp*.

Informan	Teks informan dalam mesej: (bahasa Iban) / (Bahasa Melayu)	Gambar
Informan 1 (IN1)	• **Selamat tengah ari cgu**/ Selamat tengah hari cikgu. • **Utai ke lukis kitai tadi warna cgi** / Yang kita lukis tadi perlu warna ka cikgu? • **Auk cgu tq** / Baik cikgu, terima kasih. • **Cgu ngena garisan bka ba video nya tadi ka?** / Cikgu, menggunakan garisan seperti dalam video yang tadi ka? • **Auk cgu** / Baik cikgu	
Informan 2 (IN2)	• **Legi aku masuk cikgu** / Nanti saya masuk cikgu. • **A Udah masuk cikgu** / A Sudah masuk cikgu • **Selamat lemai cikgu entik atau lemai ka nulung cikgu pukul tiga nurun pukul berapa pulai deh cikgu** / Selamat petang cikgu, Kalau pukul tiga petang nanti turun untuk tolong cikgu, pukul berapa kami boleh balik nanti cikgu?	
Informan 3 (IN3)	• **Hi cikgu** / Hai cikgu • **Saya B** / Saya B • **Cikgu buku iban ku lenyau** / Cikgu buku bahasa Iban saya hilang • **Ukai nyak bup latih** / Bukan yang itu, buku latihan saya • **Nyak ke lenyau** / Itu yang hilang • **Keni nota ku ba dia deh cikgu** / Bagaimana dengan nota saya dalam tu cikgu?	

ISBN:2637-126X

Informan 4 (IN4)	• **Semua kami merosot magang kecuali D** / Semua kami merosot kecuali D • **E merosot cigu** / E merosot cikgu • **Cgu pulai gai SK A baru d cigu** / Cikgu balik ke sekolah A semula. • **Setiap kali kami enda faham nganu belama kami cigu. Dah nya selalu kami nyebut pasal d** / Setiap kali tidak faham, beliau selalu marah kami cikgu. Lepas tu, kami selalu teringat cikgu. • **F ulih gk mimit cigu** / F Boleh sedikit cikgu • **G dah merosot** / G telah merosot	
Informan 5 (IN5)	• **Pindah kitu baru d cigu nukar cigu** A / Pindah ke sini semula cikgu, ganti cikgu A. • **Cigu merosot kami mt** / Cikgu kami merosot sangat • **Semua ajar cikgu A enda masuk untak kami cigu** / Semua yang diajar oleh cikgu A tidak masuk cikgu. • **Amat cigu** / Betul cikgu	

(Sumber: Mesej menerusi apliaksi *WhatsApp Informan*, Sekolah A)

Jadual 1 menunjukkan paparan kandungan mesej yang dihantar oleh informan kepada guru bahasa Iban melalui aplikasi *WhatsApp*. Paparan tersebut menunjukkan terdapat unsur bahasa rojak dalam penulisan mesej secara maya bersama guru bahasa Iban. Kebanyakan mereka menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam perbualan melalui mesej. Analisis terperinci dipaparkan menerusi Jadual 2.

Jadual 2: Analisis penggunaan bahasa rojak dalam aspek mekanis

Kategori / *Kategori*	**Bahasa rojak yang terdapat dalam kandungan mesej murid melalui aplikasi *WhatsApp* / *Jaku champur ti bisi dalam teks pesan ba talipaun binching***	**Kekerapan / *Penyuah***
Mekanis / *Mekanis* Kesalahan ejaan / *Penyilap ngena sepil*	IN1: *Cgu*/Cikgu	4
	IN1: *Cgi*/Cikgu	1
	IN2: *Entik*/Kalau	1
	IN2: *Selam*/Selamat	1
	IN3: *Nyak/Nyk*/Itu	3
	IN3: *Keni*/Macam mana	1
	IN1: *Ari*/ Hari	1
	IN1: *Tq*/ Terima kasih	1
	IN1: *Auk*/Baiklah	2
	IN4: *Cigu*/Cikgu	3
	IN1*: Bka*/Seperti	1

ISBN:2637-126X

Kesalahan perkataan / *Penyilap ngena leka jaku*	IN1-R3: *Cikgu*	7
	IN1: *Warna*	1
	IN2: *Masuk*	2
	IN3: *Buku*	1
	IN3: *Nota*	1
	IN1: *Garisan*	1
	IN1: *Lukis*	1
	IN4: *Merosot*	3
	IN4: *Setiap*	1
	IN4: *Faham*	1
	IN4: *Kecuali*	1
	IN5: *Masuk*	1

Berdasarkan Jadual 2 didapati bahawa, penggunaan bahasa rojak dalam aspek mekanis merupakan yang paling tinggi iaitu sebanyak 40 jumlah kekerapan. Kesemua informan mengunakan bahasa rojak dalam aspek ejaan dan perkataan. Perkataan *"cgu/cgi/cigu"* merupakan kesalahan ejaan yang digunakan oleh murid dan seharusnya ditulis *"cikgu"* sekiranya dalam bahasa Melayu. Akan tetapi, perkataan *"cikgu"* tetap salah digunakan dalam bahasa Iban kerana dalam bahasa Iban perkataan *"cikgu"* perlu ditukar menjadi *"pengajar*". Kesalahan yang sama juga dalam mesej IN1 iaitu menggunakan perkataan "*tq*" yang merupakan singkatan bagi perkataan *"thank you".* Menurut Tay (2011), penggunaan singkatan ini menunjukkan identiti kolektif antara pengguna SMS berkenaan kerana kedua-dua pihak harus mempunyai pengetahuan yang dikongsi bersama agar boleh saling memahami. Perkataan ini merupakan perkataan yang digunakan dalam bahasa Inggeris tetapi digunakan dalam perbualan melalui penghantaran mesej murid kaum Iban dengan guru bahasa Iban. Manakala, perkataan lain yang terdapat dalam kategori kesalahan mekanis iaitu kesalahan ejaan bahasa Iban seperti "*entik, nyak/nyk, keni, ari, bka dan auk*" merupakan perkataan bahasa Iban yang betul tetapi mempunyai kesalahan dari aspek ejaan.

Dalam aspek kesalahan perkataan pula merujuk kepada penggunaan perkataan dari bahasa lain seperti bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang digunakan dalam komunikasi bahasa Iban. Seperti Jadual 2, selain perkataan *"cikgu"* perkataan seperti "*warna, masuk, buku, nota, garisan, lukis, merosot, setiap, faham, kecuali dan masuk*" merupakan antara perkataan bahasa Melayu yang digunakan dalam perbualan murid kaum Iban dengan guru bahasa Iban melalui aplikasi *WhatsApp*. Seterusnya analisis bagi aspek morfologi, sintaksis dan semantik.

Jadual 3: Bahasa rojak dalam aspek morfologi, sintaksis dan semantik

Kategori / *Kategori*	**Bahasa rojak yang terdapat dalam kandungan mesej murid melalui aplikasi *WhatsApp* / *Jaku champur ti bisi dalam teks pesan ba talipaun binching***	**Kekerapan / *Penyuah***
Morfologi / *Morfologi*		
Kesalahan penggunaan kata ganti nama diri / *Penyilap ngena jaku ganti nama diri*	IN3: Saya	1
	IN4-IN5: *d*/kamu	3
Kesalahan penggunaan kata hubung / *Penyilap ngena jaku penyambung*	IN2: Atau	1
Sintaksis / *Sintaksis*		
Kesalahan ayat pasif / *Penyilap ngena ayat pasif*	IN5: *Cigu merosot kami mt* / Cikgu merosot kami sangat	1

ISBN:2637-126X

Kesalahan ayat keterangan/ *Penyilap ngena ayat penerang*	IN3: *Ukai nyak bup latih ku*/ Bukan tu buku latihan saya	1
Semantik / *Semantik* Kesalahan pemilihan kata dalam ayat / *Penyilap ngena jaku dalam ayat*	IN5: *Semua ajar cigu enda masuk untak kami cikgu*/ Semua ajaran cikgu tidak masuk otak kami cikgu	1

Berdasarkan Jadual 3, didapati bahasa rojak turut berlaku dalam aspek morfologi (lima kekerapan) yang melibatkan kesalahan penggunaan kata ganti nama diri dan kesalahan penggunaan kata hubung, aspek sintaksis (dua kekerapan) iaitu kesalahan menggunakan ayat pasif dan ayat keterangan dan aspek semantik (satu kesalahan) iaitu kesalahan pemilihan kata dalam ayat.

Seterusnya, data menunjukkan bahawa kategori lain yang dianalisis mempunyai bilangan kekerapan yang rendah dan kurang digunakan dalam kandungan mesej. Dalam kategori morfologi, IN3 menggunakan perkataan "*saya"* semasa menghantar mesej kepada guru bahasa Iban. Merujuk kepada buku *Lumpar Sistem Sepil Jaku Iban* (2007), perkataan "*aku*" perlu digunakan oleh murid tersebut untuk menggantikan perkataan "*saya"*. Begitu juga dengan perkataan "d" yang merupakan memang perkataan bahasa Iban tetapi salah digunakan dalam ayat yang ditaip oleh IN4 dan IN5. Perkataan yang sepatutnya digunakan adalah "*nuan*" di mana perkataan ini lebih sesuai dan tidak kasar apabila digunakan alam komunikasi. Turut berlaku dalam aspek kesalahan penggunaan kata hubung iaitu IN2 menggunakan perkataan "*atau"* dalam mesejnya. Perkataan tersebut perlu digantikan dengan perkataan "*tauka*" seperti yang termaktub dalam Bup Sereba Reti Jaku Iban (2011). Hal ini dapat menggambarkan ketulenan bahasa Iban yang digunakan meskipun dalam komunikasi mahu pun dalam penulisan. Kesemua perkataan yang digunakan dalam kategori ini merupakan perkataan dari bahasa Melayu yang telah dicampur dalam penulisan mesej tersebut.

Seterusnya, dalam aspek sintaksis pula, didapati IN5 menggunakan bahasa rojak dalam aspek kesalahan ayat pasif iaitu "*cikgu merosot kami mt*" (cikgu merosot kami sangat). Ayat ini merupakan ayat songsang dan sukar difahami. Ayat yang sepatutnya "*Pengajar, kami diatu udah mayuh amat nurun prestasyen ba pelajar"* (Cikgu, kami telah banyak merosot dalam pembelajaran). Begitu juga dalam aspek kesalahan ayat keterangan iaitu IN3 menggunakan ayat keterangan yang mempunyai maksud yang kabur dan sukar difahami seperti dalam Jadual 3 "*ukai nyak bup latih ku*) bukan tu buku latihan saya). Ayat yang sepatut nya digunakan adalah "*Ukai nya pengajar. Bup tulis aku* (Bukan yang itu cikgu. Buku latihan saya). Melalui hasil dapatan kajian ini, informen tidak menggunakan tanda baca dan ayat pelengkap yang betul sehingga menyebabkan ayat tersebut tidak jelas.

Dalam aspek semantik pula, berlaku dalam kesalahan pemilihan kata dalam ayat. Contoh seperti hasil kajian dalam Jadual 3, "*semua ajar cigu enda masuk untak kami cikgu* (Semua ajaran cikgu tidak masuk otak kami cikgu). Pemilihan kata "*otak*" dalam ayat ini kurang sesuai digunakan. Ayat yang sesuai adalah "*Semua utai diajar pengajar nya nadai ulih diperetika kami pengajar* (Semua yang diajar oleh cikgu tersebut tidak dapat difahami oleh kami) Murid menggunakan perkataan sedemikian disebabkan kurang tahu mengenai frasa-frasa yang sesuai digunakan dan juga turut dipengaruhi oleh bahasa lain seperti bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan sebagainya.

Berdasarkan dapatan kajian seperti dalam Jadual 2 dan Jadual 3, didapati bahawa kelima-lima informan menggunakan perkataan rojak dalam menulis mesej melalui aplikasi *WhatsApp* yang dihantar kepada guru Bahasa Iban. Bahasa rojak berlaku dalam keempat-empat kategori iaitu morfologi, sintaksis, semantik dan mekanis. Melalui analisis kajian tersebut, kebanyakan bahasa rojak tersebut berlaku dalam kategori mekanis iaitu kesalahan ejaan dan perkataan.

ISBN:2637-126X

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, artikel ini memperlihatkan bahawa unsur bahasa rojak wujud dalam penulisan mesej bahasa Iban melalui aplikasi *WhatsApp* dalam kalangan murid sekolah rendah. Analisis terhadap mesej tersebut menunjukkan bahawa aspek mekanis mencatatkan kekerapan tertinggi, diikuti aspek sintaksis, morfologi dan semantik. Dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan bahasa dalam komunikasi digital murid melibatkan pelbagai ciri linguistik, khususnya dari segi ejaan dan pemilihan perkataan. Keadaan ini turut memperlihatkan kepelbagaian bentuk bahasa yang digunakan oleh murid ketika berkomunikasi secara bertulis dalam persekitaran digital.

Dapatan tersebut memberikan implikasi terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Iban, khususnya dalam meningkatkan kesedaran murid tentang penggunaan bahasa yang sesuai mengikut konteks komunikasi. Guru bahasa Iban dapat memanfaatkan dapatan ini sebagai panduan untuk memberikan penekanan terhadap aspek ejaan, pemilihan perkataan dan pembinaan ayat dalam aktiviti penulisan. Pada masa yang sama, ibu bapa dan komuniti turut memainkan peranan dalam menggalakkan penggunaan bahasa Iban yang tepat melalui komunikasi harian. Walaupun percampuran bahasa merupakan sebahagian daripada amalan komunikasi masyarakat pelbagai bahasa, penguasaan bahasa Iban standard tetap penting, khususnya dalam konteks pendidikan formal. Justeru, artikel ini memberikan sumbangan kepada bidang pendidikan bahasa Iban melalui pemahaman tentang ciri penggunaan bahasa dalam komunikasi digital murid serta kepentingan penguasaan bahasa Iban standard dalam penulisan.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan dan penerbitan artikel ini.

SUMBANGAN PENULIS

Amylia Anna Bakar (rekabentuk kajian, pengumpulan dan penganalisisan data, penulisan draf artikel).
Sabariah Sulaiman (semakan analisis dan keseluruhan kandungan serta penambahbaikan artikel)
Saripah Banseng (semakan ketepatan kandungan bahasa Iban dan bahasa secara keseluruhan).

KETERSEDIAAN DATA DAN BAHAN

Data tersedia secara terbuka dalam repositori awam, dengan pengecam kekal (seperti DOI).

PENGISYTIHARAN AI GENERATIF

Penggunaan AI Generatif digunakan semasa penyuntingan bagi meningkatkan kejelasan penulisan. Penulis telah menyemak dan menyunting kandungan mengikut keperluan serta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kandungan penerbitan ini.

ISBN:2637-126X

PERNYATAAN ETIKA

Kajian dilaksanakan dengan memberikan perhatian terhadap prinsip etika penyelidikan yang melibatkan informan murid. Penyertaan informan adalah secara sukarela dan maklumat berkaitan tujuan kajian serta kerahsiaan data telah diberikan sebelum pengumpulan data dilaksanakan. Identiti informen tidak didedahkan dalam pelaporan dapatan dan semua maklumat yang diperoleh digunakan hanya bagi tujuan penyelidikan akademik.

RUJUKAN

Abdullah Hassan. (2007). *Linguistik am*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Abdul Rashid Daing Melebek & Amat Juhari Moain. (2010). *Sosiolinguistik dan Bahasa Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Andini Puji Pratiwi. (2015). Interlingual and intralingual errors in writing narrative text made by junior high school and senior high school students. *Jurnal Penelitian Humaniora, 16*(2), 1–11. https://doi.org/10.23917/humaniora.v16i2.1839

Chemaline Osup & Padang Luna (2011). *Morfologi Jaku Iban: Malin nembiak enggau pengajar*. Pencetakan Salam Sdn. Bhd.

Chintela Tenggok & Nor Azwahanum Nor Shaid. (2023). Analisis kesalahan bahasa dalam penulisan karangan bahasa Melayu murid sekolah menengah. *Jurnal Dunia Pendidikan, 5*(1), 329–345. https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.27

Carstens, S., & Ang, L. H. (2019). Conversational code switching: Languaging Chinese identities in multilingual Malaysia. Asian Journal of Social Science, 47(4–5), 508–533. https://doi.org/10.1163/15685314-04704005

Corella Anak Stephen, Chemaline Anak Osup, & Siti Saniah Abu Bakar. (2017). Faktor campur kod dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak. PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature, 8, 108–115. https://doi.org/10.37134/pendeta.vol8.11.2017

Doratya Gerry, Harishon Radzi, & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2024). Penggunaan dan pengamalan kajian bahasa Iban: Sorotan literatur bersistematik. e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities, 21(2). https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2102.14

Dayang Sufilkawany Ujai & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2017). Pengaruh faktor sosial dalam pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Iban. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 7(1), 74–84. https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/135

Fauziah Ibrahim, Khadijah Alavi & Nazirah Hassan. (2021). *Penulisan tesis kajian kualitatif dan kuantitatif*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Fuzirah Hashim, Ahmad Aminuddin Soopar & Bahiyah Abdul Hamid. (2017). Ciri-ciri linguistik bahasa komunikasi atas talian pelajar Malaysia dalam suasana akademik kes Universiti Kebangsaan Malaysia. *Akademika, 87*(1), 231-242. https://doi.org/10.17576/akad-2017-8701-17

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 (Pendidikan Prasekolah hingga lepas Menengah).* Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Lilly Metom, & Su-Hie Ting. (2024). Formal use of the Iban language among the Iban community in Sarawak, Malaysia. *Language Documentation & Conservation, 18*, 216–238. https://hdl.handle.net/10125/74806

Magdeline Anak Nor, Zamri Mahamoda & Nur Ehsan Mohd. Saida (2012). Pengetahuan pedagogi kandungan dan masalah pengajaran guru bahasa iban sekolah menengah di Sarawak. *Jurnal Teknologi, 58 (2012)*, 71–78. https://doi.org/10.11113/sh.v58n1.206

ISBN:2637-126X

Menggo, S., Pramesti, P. D. M. Y., & Krismayani, N. W. (2023). Insertion function in code-mixing use on WhatsApp group chats among university students. *Journal of Language Teaching and Research, 14*(3), 587–596. https://doi.org/10.17507/jltr.1403.06

Mohd Syuhaidi Abu Bakar & Aliffluqman Mohd Mazzalan. (2018). Aliran pertuturan bahasa rojak dalam kalangan pengguna facebook di malaysia. *e-Academia Journal, 7*(1), 62-71. https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/86185/

Muhammad Alee Song, Nur Hatiqah Wakanan, & Nor Nadira Mohd Nordin. (2023). Analisis percampuran kod bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Cina. MALIM: *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara, 24(*2), 53–71. https://doi.org/10.17576/malim-2023-2402-03

Nelson Tandang Anak Edwin Unting & Ngalai Anak Belawing. (2017). *Prosiding konferen entarabansa jaku iban enggau etnografi international conference on Iban language and ethnography (ICILE 2017) "Ngenegapka Jaku Enggau Daya Idup Iban*" http://www.spedip.com/uploads/1/2/9/8/129864256/prosiding_conference_iban_language_etnography icile 2017.pdf.

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan* (Edisi baharu). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Norazuna Norahim, & Claudia Vica Bandan. (2025). Imbuhan kata kerja bahasa Iban dalam laras formal. Jurnal Borneo-Kalimantan, 11(2), 90–106. https://doi.org/10.33736/jbk.10961.2025

Noor Mohamad Shakil Hameed. (2021, Julai 18). *Kita sendiri tidak peduli bahasa Melayu.* Utusan Malaysia. https://www.utusan.com.my/rencana/2021/07/kita-sendiri-tidak peduli-bahasa-Melayu/

Nor Asree Mohd Noh & Ab Halim Mohamad (2017). Gangguan bahasa dari aspek tatabahasa dalam kalangan pelajar melayu. *Jurnal AL-ANWAR Volume 4* (2), 1- 19. https://jurnalanwar.com/index.php/ojs/article/view/50

Nor Hashimah & Adriana Santa. (2016). Percampuran kod dalam penulisan karangan bahasa Melayu murid Cina: analisis pragmatik. *Jurnal Bahasa, 16*(1), 74-93. https://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/ms/article/view/4250

Noor Zila Md. Yusuf, & Amir Juhari. (2013, 1–2 Mei). *Pengaruh persekitaran linguistik dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua* [Kertas persidangan]. *Konferensi Linguistik Tahunan Atma Jaya Kesebelas (KOLITA 11*), Universitas Katolik Indonesia Atma Jaya, Jakarta, Indonesia. https://psasir.upm.edu.my/ id/eprint/41181/.

Nozina Yahaya. (2019, November 27). *Subjek tambahan mengikut kecenderungan murid.* Sinar Harian. Sinar Harian. https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/59425

Nurul Ain Alizuddin & Nik Nur Athirah Nik Mohd Arif (2021). Analisis kesalahan bahasa dalam penulisan bahasa melayu pelajar antarabangsa. *International Social Science and Humanities Journal. Vol. 4* (1) 113 – 127.

Paramasivam Muthusamy. (2017). Komunikasi percampuran kod dalam masyarakat multilingual di Malaysia. *Journal of business and social development, 5(1),* 36– 48.

Radna Wismawati Muhibah Yahya Sawek. (2015). *Integrasi bahasa melayu standard dalam dialek Melayu Sarawak dan Bahasa Iban*. Universiti Putra Malaysia.

Rollin Smith Ramio, Saripah Banseng, & Ciptro Handrianto. (2024). The use of the Malay language in writing status on the Facebook page "Aku Anak Iban". *International Journal of Education, Information Technology, and Others, 7*(2), 372–383. https://doi.org/10.5281/zenodo.12558356

Ramlee Ismail, Jamal @ Nordin Yunus & Marinah Awang. (2021). *Analisis data dan pelaporan dalam penyelidikan pendidikan*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Ritan, R., & Windy, W. (2025). The analysis of code-mixing used on WhatsApp by English Language & Culture students at Universitas Widya Dharma Pontianak. *Priviet Social Sciences Journal, 5*(12). https://doi.org/10.55942/pssj.v5i12.761

ISBN:2637-126X

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2007). *Lumpar sistem sepil Jaku Iban*. Pusat Perkembangan Kurikulum.

Siti Rahimah Mustaffa, Raja Masittah Raja Ariffin & Normahdiah Sheikh Said. (2014). Kekeliruan jati diri punca bahasa bercampur aduk. *Jurnal Bahasa, 14* (1), 34- 158. https://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/ms/article/view/4294

Siti Nur Solehah Bahaudin. (2023). Analisis kata sendi nama "di" dan "dalam" dalam penulisan karangan pelajar Tingkatan 4. *Jurnal Pengajian Melayu, 34*(1), 126–144. https://mojem.um.edu.my/index.php/JOMAS/article/view/43363

Tay Meng Guat (2011). Analisis Linguistik Terhadap Penggunaan Bahasa SMS dalam Kalangan Guru Pelatih. *Jurnal Penyelidikan IPG Kampus Batu Lintang, Jilid 10*, 1-26.

The Tun Jugah Foundation. (2011). *Bup Sereba Reti*. Tun Jugah Foundation.

Vinson & Joane Sultive. (1994). *Handy Reference: Dictionary of Iban and English*. Tun Jugah Foundation.

Zamri Mahamod, Kamiliah Ayu Ab. Ghani & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2016). Penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina berdasarkan sikap dan kemahiran bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *6*(1), 38-51. https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/107

Zulkifli Salleh. (2019). *Bahasa dan isu-isu sosiobudaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.